



- 1. PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KDYMM
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
D3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa dan telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pembantu Keselamatan Penerbangan KDYMM dalam tanggungaji D.2 selama tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei (ABDB) atau Polis DiRaja Brunei (PDB) dan sekurang-kurangnya berpangkat Pegawai Waran Kelas I atau Kelas II.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN:

DI KAWALAN KESELAMATAN

PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN:

Jawatan Penolong Pegawai Keselamatan dipertanggungjawabkan untuk membantu Pegawai Keselamatan dari segi penyelarasan tugas-tugas harian bagi pihak Pegawai Keselamatan. Penolong Pegawai Keselamatan akan bertanggungjawab di atas segala urusan keselamatan jabatan seperti berikut:

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai Keselamatan bagi membantu untuk menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan akan terpelihara dan berjalan dengan baik dan teratur sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Keselamatan.
2. Mengambil alih tugas Pegawai Keselamatan semasa ketiadaannya pada satu-satu keadaan dan masa yang difikirkan perlu.
3. Memberi sokongan dan perancangan kepada pelaksanaan tugas-tugas kawalan keselamatan kepada Pegawai Keselamatan.
4. Mengawasi semua Penjaga Keselamatan bagi mendapatkan maklumat mengenai hal ehwal dan masalah untuk dimaklumkan kepada Pegawai Keselamatan untuk panduan bagi sesuatu penilaian sama ada ianya untuk perseorangan, kumpulan atau pejabat keselamatan keseluruhannya.
5. Membuat tindakan jika satu-satu perkara dan kejadian itu difikirkan memerlukan tindakan dan nasihat serta pandangan. Jika ianya diluar kuasa Penolong Pegawai Keselamatan, hendaklah ianya dilaporkan kepada Pegawai Keselamatan.
6. Hendaklah sentiasa siap sedia jika sekiranya dikehendaki memberi laporan sulit mengenai kakitangan kepada Pegawai Keselamatan terutamanya Penjaga Keselamatan.
7. Membuat penilaian dan memberi cadangan kepada Pegawai Keselamatan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kakitangan bahagian keselamatan.

Garis pandu tugas-tugas dan tanggungjawab Penolong Pegawai Keselamatan ini adalah secara umum dan akan diubah mengikut masa dan kehendak jabatan bila difikirkan perlu.